

8 MEI 2017

**6 lelaki ditahan miliki pelbagai jenis dadah bernilai RM8.5j**

JENAYAH

**6 lelaki ditahan miliki pelbagai jenis dadah bernilai RM8.5j**

**Kuala Lumpur:** Enam lelaki, termasuk dua warga Singapura ditahan selepas memiliki pelbagai jenis dadah bernilai RM8.5 juta dalam serbuan berasingan di sekitar Lembah Klang dan Johor Bahru, kelmarin.

Semua suspek berusia antara 32 hingga 58 tahun itu ditahan dalam serbuan berasingan oleh Pasukan Khas Taktikal Perisikan Narkotik (STING), Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik, Bukit Aman dalam Ops Bitxi.

Dalam serbuan jam 3 petang hingga 9 malam itu, polis turut merampas dadah ketamin seberat 61.53 kilogram (kg), syabu 64.2kg, 23,985 biji pil ecstasy dan 68 biji pil eramin five yang semuanya dianggarkan bernilai RM8.5 juta.

Selain itu, pihak polis turut merampas pelbagai mata wang asing berjumlah RM76,732; jam tangan mewah; lima kereta dan sebuah motosikal.

**2 suspek ada rekod jenayah lampau**


Hasil pemeriksaan lanjut, dua daripada enam yang ditahan mempunyai rekod jenayah lampau dan rekod berhubung kes dadah.

Siasatan kes itu dijalankan mengikut Seksyen 39B, Akta Dadah Berbahaya 1952.

Sementara itu, Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar, turut merakamkan penghargaan kepada pasukan STING berhubung kejayaannya menumpaskan kumpulan terabit menerusi akaun twitter miliknya.

"Syabas STING @PDRMsia tangkap enam orang di KL dan Johor; rampas 64kg syabu, 61kg ketamin dan 23,000 pil ecstasy dan lain-lain," katanya.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman, Datuk Seri Mohd Mokhtar Mohd Shariff, ketika dihubungi pula memaklumkan sidang media berhubung tangkapan dan rampasan berkenaan akan dibuat Khamis ini.



**Polis** merampas dadah berjumlah 8.5 juta kelmarin dalam serbuan di sekitar Lembah Klang dan Johor.